

Siri Pengajian dan Pendidikan Utusan

Pemikiran *Etika* Hamka

Abdul Rahman Abdul Aziz

7.5
RA



Pemikiran *Etika* Hamka



Pemikiran Etika Hamka

Abdul Rahman Abdul Aziz



PUSTAKA PERDANA



1012540



UTUS PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
 No. 1 & 3, Jalan 3/91A
 Taman Shamelin Perkasa, Cheras
 56100 Kuala Lumpur
 Tel: 03-92856577
 Fax: 03-92846554/92875763
 e-mel: enquiry@upnd.com.my
 laman web: www.upnd.com.my

© Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
 Terbitan Pertama 2002
 Ulang Cetak 2007

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Abdul Rahman Abdul Aziz
 Pemikiran etika Hamka / Abdul Rahman Abdul Aziz.
 ISBN 967-61-1287-9
 1. Hamka, 1908-1981—Views on Islamic ethics. 2. Islamic ethics.
 I. Hamka II. Judul.
 297.5

Dicetak oleh
 PRIN-AD SDN. BHD.
 No. 27-29, Jalan 2/148A,
 Tmn. Sg. Besi Industrial Park,
 57100 Kuala Lumpur.



Pengenalan

BUKU ini mengambil salah satu daripada aspek-aspek yang sering dibicarakan oleh Hamka dalam karya-karya sasteranya iaitu etika. Sebagai seorang pujangga yang cenderung ke arah pemikiran mistik atau tasawuf, Hamka kelihatan banyak menggunakan pendekatan Al-Ghazali iaitu pemikiran etika atau istilah yang sering beliau gunakan iaitu budi. Persoalan budi inilah yang telah mendominasi karya-karya sasteranya.

Kajian ini cuba untuk memperlihatkan bahawa karya sastera Hamka bukan suatu yang sengaja dicipta atas dorongan estetika semata-mata, tetapi karya sastera yang beliau hasilkan itu adalah cernaan dari penghayatan Islam. Hamka juga pernah disebut sebagai ulama intelektual iaitu ulama Islam yang telah menebatikan ilmu Islamnya dengan pemikiran ahli-ahli fikir lain. Tujuan Hamka melakukan sedemikian ialah untuk menarik minat dan perhatian masyarakatnya yang cenderung ke arah pemikiran rasionalisme. Lantaran itu, Hamka cuba untuk *rasionalised* dalam tiap-tiap sesuatu persoalan hidup yang beliau bicarakan.

Tujuan kajian ini untuk mencungkil pemikiran etika Hamka berhubung dengan hidup dan kehidupan manusia yang beliau lihat, alami dan dengar daripada cerita-cerita orang lain. Sungguhnya banyak sekali kita perhatikan gagasan-gagasan etika yang telah diutarakan oleh Hamka. Lantaran itu, saya me-

ngatakan Hamka telah berjaya menyemaikan ilmu Islamnya dalam karya sastera beliau.

Dasar utama pembicaraan Hamka tentang kesederhanaan hidup. Dalam mengutarakan kesederhanaan hidup ini, Hamka sebenarnya mementingkan kesucian jiwa iaitu sebagai permata bergemerlapan yang menerangi jalan hidup manusia. Persoalan inilah yang saya singkap untuk membina satu doktrin falsafah etika Hamka. Memetik kata-kata Hamka:

Falsafah sebagai penjelasan hidup;
Kesusasteraan sebagai nyanyian hidup;
Kesenian sebagai perhiasan hidup;
Tasawuf sebagai intisari hidup;
dan ibadat sebagai pegangan hidup.

Pembicaraan dimulakan dengan bab satu tentang biodata Hamka secara umum dan kedudukan beliau sebagai sasterawan dan ulama. Walau bagaimanapun, penekanan utama yang saya berikan ialah hubungan sikapnya sebagai sasterawan dan ulama dengan pemikiran-pemikiran etika yang terdapat dalam karya sasteranya. Perkara ini sengaja dilakukan untuk memperlihatkan Hamka sebagai tokoh mistik yang melancarkan penanya demi untuk memperbaiki akhlak masyarakatnya. Ternyata dalam bab satu ini memperlihatkan kekentalan peribadi Hamka dalam menghadapi ranjau-ranjau kehidupan.

Bab dua meninjau ke arah konsep etika yang mencakupi definisi, ciri-ciri dan peranannya dalam kehidupan manusia di dunia dan di akhirat kelak. Tinjauan ini dilakukan dengan tujuan untuk pengkategorian manusia tentang etika yang paling sesuai menurut pandangan Hamka dan juga Islam. Bertitik tolak dari sini, analisis terhadap peristiwa-peristiwa dan watak-watak telah dilakukan dengan tujuan untuk mendapat pandangan pertama terhadap persoalan-persoalan etika yang dihadapi oleh Hamka kepada pembaca.

Dalam bab tiga analisis terhadap gejala-gejala bahasa seperti kata-kata, idea-idea dan ungkapan-ungkapan dilakukan dengan

tujuan untuk melihat sama ada terdapat korelasi antara karya ilmu dengan karya sastera Hamka. Jika terdapat korelasi, ternyata Hamka telah mencernakan ilmu dan penghayatan Islam ke dalam karya-karya sasteranya. Justeru, bab tiga lebih merupakan pengujian hipotesis “*bahawa karya sastera Hamka mempunyai kecenderungan untuk menanamkan nilai-nilai akhlak/moral/etika yang luhur kepada masyarakatnya*”.

Bab empat lebih merupakan satu pecahan pemikiran-pemikiran etika yang telah diluahkan oleh Hamka dalam karya-karya sasteranya. Pecahan ini terbahagi kepada empat aspek iaitu adat, penghayatan Islam, cinta dan kejiranan. Keempat-empat persoalan ini cuba dibicarakan dan dicungkil pemikiran-pemikiran etika yang tersirat dalam karya sastera Hamka. Pembicaraan seumpama ini dilakukan untuk menampakkan sikap Hamka dan dasar-dasar etika yang digarap. Lantaran itu bab empat ini lebih merupakan satu sintesis daripada pemikiran-pemikiran etika yang diutarakan oleh Hamka.

Bab lima pula merupakan satu percubaan untuk membina doktrin falsafah etika Hamka. Ternyata amat sukar untuk merangka satu doktrin falsafah etika terutamanya bagi pujangga seperti Hamka. Kesimpulan telah dibuat bahawa manusia beretika pada pandangan Hamka ialah yang mementingkan soal-soal kejiwaan dan kesederhanaan dalam menjalani kehidupan dunia ini. Dengan lain perkataan, manusia beretika pada pandangan Hamka ialah yang mengetahui tujuannya diutuskan ke dunia ini: Mengapa? Untuk apa? Ke mana akhirnya?

Seluruh bahagian dalam buku ini dilakukan melalui penyelidikan (bahan perpustakaan). Bahan utama yang digunakan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu karya-karya sastera Hamka dan karya-karya ilmu Hamka. Karya-karya sastera Hamka ialah *Tenggelamnya Kapal van der Wijck*, *Tuan Direktur*, *Merantau Ke Deli*, *Di Bawah Lindungan Ka' abah*, *Keadilan Ilahi*, *Menunggu Bedok Berbunyi*, *Di Dalam Lembah Kehidupan*, *Cermin Penghidupan* dan *Kerana Fitnah*. Manakala karya ilmu Hamka pula ialah *Tasauf Moden*, *Falsafah Hidup*, *Lembaga Hidup* dan *Lembaga Budi*.

Berdasarkan analisis terhadap bahan-bahan utama ini, persoalan-persoalan etika telah digali.

Akhir kata saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan di Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia terutamanya Kolonel Profesor Dato' Dr. Ahmad Fawzi Haji Mohd. Basri, Mantan Dekan Pengasas yang kini menjadi Naib Canselor UUM, Mohd. Hafidz Hussein dan Prof. Madya Mohd. Fo'ad Sakdan yang terus-menerus memberi galakan untuk saya terus menulis. Terima kasih juga ditujukan kepada keluarga saya, Rashidah Haji Ibrahim dan anak-anak iaitu Hanim, Najib, Tariq dan Irfan yang menyediakan suasana kondusif untuk saya terus bekerja.

Abdul Rahman Abdul Aziz,
Universiti Utara Malaysia,
Sintok, Kedah.

Isi

<i>Pengenalan</i>	v
Bab 1 Hamka Sebagai Sasterawan dan Ulama	1
Biografi Hamka	1
Kedudukan Hamka Sebagai Sasterawan	7
Kedudukan Hamka Sebagai Ulama	11
Cita-cita Hamka untuk Daulah Islamiah di Indonesia	12
Karya Cereka Sebagai Wadah untuk Memperkatakan Islam	17
Hamka dan Majlis Ulama Indonesia	18
Penilaian terhadap Peranan Hamka Sebagai Sasterawan dan Ulama	21
Penutup	24
Bab 2 Persoalan Etika Dalam Karya Sastera Hamka	26
Konsep Etika	27
Aliran Pemikiran Etika	29
Peranan Etika Dalam Kehidupan Insan	31
Pemikiran Etika Dalam Karya Sastera Hamka	34
Analisis Watak	46
Analisis Peristiwa	54
Penutup	69

Bab 3	Analisis Kata, Idea dan Ungkapan Sebagai Dasar Etika	70
	Kata, Idea dan Ungkapan Serta Hubungannya dengan Karya Sastra Hamka	71
	Hubungan Karya Ilmu dengan Karya Sastra Hamka	76
	Hubungan Bahasa dengan Etika Seperti yang Terlihat dalam Karya Sastra Hamka	80
	Analisis Kata-kata	83
	Analisis Idea	87
	Analisis Ungkapan	90
	Hubungan Kata, Idea dan Ungkapan antara Karya Ilmu dengan Karya Sastra Hamka	92
	Penutup	94
Bab 4	Pembinaan Falsafah Etika Hamka	95
	Adat	98
	Penghayatan Islam	102
	Cinta	108
	Kejiranan	113
	Ulasan terhadap Pemikiran Tentang Adat, Cinta, Penghayatan Islam dan Kejiranan	117
Bab 5	Manusia Beretika pada Pandangan Hamka	120
	Pengkategorian Kehidupan Manusia	121
	Kualiti Hidup Manusia Beretika pada Pandangan Hamka	137
	Penutup	139
Bab 6	Penutup	142
	Bibliografi	147
	Biodata	153

Bab 1

Hamka Sebagai Sasterawan dan Ulama

PERMULAAN bab ini membentangkan tentang biografi Hamka. Melalui biografi nanti dapat diperhatikan bahawa baka, persekitaran dan pengalaman telah mencorakkan perspektif Hamka. Kedua, perbincangan akan ditumpukan kepada kedudukan Hamka sebagai sasterawan yang melahirkan novel dan cerita-cerita pendek. Ketiga, perbincangan ditumpukan kepada kedudukan Hamka sebagai ulama. Dalam konteks ulama ini perbincangan akan dijuruskan kepada tiga—cita-cita untuk membina Daulah Islamiyah, menulis novel dan cerita pendek sebagai wadah untuk memperkatakan Islam; dan kedudukan Hamka sebagai Pengerusi Majlis Ulama Indonesia. Di akhir bab ini nanti akan dibuat penilaian terhadap peranan-peranan yang telah dimainkan oleh Hamka sebagai sasterawan dan ulama.

BIOGRAFI HAMKA

Pada tanggal 17 Februari 1908 lahir seorang anak lelaki di Sungai Batang, Maninjau yang diberi nama Abdul Malik (Hamka, *Kenangan-kenangan hidup*: 2). Anak ini merupakan putera kepada pemimpin Islam yang terkenal pada waktu itu iaitu Doktor Abdul Karim Amrullah yang lebih dikenali dengan nama panggilan

sebagai Haji Rasul dengan isterinya yang ketiga bernama Safiah. Setelah dewasa, anak ini dikenali sebagai Haji Abdul Malik Karim Amrullah atau singkatannya Hamka.

Ayahnya seorang pejuang Islam dan ibunya berdarah seni. Lantaran itu Hamka terkenal sebagai pendakwah Islam yang berkarisma tinggi dan pidatonya sering menarik perhatian umum. Beliau juga turut mewarisi bakat seni ibunya lantaran Hamka juga terkenal sebagai sasterawan ulung.

Dengan darah perjuangan yang ada dalam diri, beliau telah mencurahkan tenaganya dalam Gerakan Muhammadiyah dan Masjumi (Majlis Syura Muslimin Indonesia). Kedua-dua buah pertubuhan Islam telah dibendung oleh rejim Sukarno. Tokoh kedua-dua pergerakan telah dipenjarakan termasuklah Hamka. Ilmu seni beliau diungkap dalam susunan kata-kata beliau ketika berpidato, tulisan ilmiah, tafsir al-Azhar dan cerita-cerita rekaan karangan beliau (Usman Effendi, 1955:69). Persekitaran ini turut memupuk jiwa Hamka untuk menjadi ulama dan sasterawan Islam yang dapat dibanggakan. Ini ditambah pula oleh penderitaan yang dialaminya akibat Adat Perpatih yang diamalkan oleh masyarakat Minangkabau. Malah adat inilah yang telah merosakkan rumah tangga ibu bapanya, sehingga mereka terpaksa berpisah dan Hamka hanya dibesarkan oleh ibunya sahaja. Kepedihan inilah yang terbayang dalam karya-karya sastera beliau dan secara sinis dan tajam beliau mengkritik adat yang melemah-kan jiwa keislaman.

Titik awal perkembangan hidup Hamka bermula di Deli. Deli seperti yang digambarkan oleh Hamka merupakan kota yang telah:

... gemuruh kedengaran ke mana-mana ke sekeliling pulau Sumatera. Itulah yang membawa kaki orang Tapanuli dan orang Minangkabau datang ke Deli sejak tanah Deli terbuka (Hamka, *Merantau ke Deli*: 3-4).

Manakala kota Medan pula yang berhampiran dengan Deli ialah tempat yang penuh kenangan bagi beliau. Kota ini menurut catatan anaknya:

Dari kota ini dia mula melangkahhkan kakinya menjadi seorang pengarang yang melahirkan sejumlah novel dan buku-buku agama, falsafah, tasawuf, dan lain-lain. Di sini pula dia beroleh sukses sebagai wartawan dengan majalah Pedoman Masyarakat. Tapi di sini pula dia mengalami kejatuhan yang sangat menyakitkan. Hingga bekas-bekas luka yang membuat dia meninggalkan kota ini, menjadi satu pupuk yang menumbuhkan peribadi di kemudian hari (Rusydi Hamka, 1981:37).

Di tanah Deli inilah Hamka mengadu untung. Menurut anaknya Rusydi, Medan merupakan:

... sebuah kota pelabuhan tempat bertolak, dan tempat kembali melabuhkan bahtera hidupnya. Ketika tahun 1927 dia naik haji dalam umur sekitar 19 tahun, berangkat dari Belawan. Setelah enam bulan mukim di Makkah, dia pulang dan di Belawanlah dia berlabuh. Sebelum meneruskan pulang ke kampungnya Sungai Batang, dia tinggal dulu beberapa bulan di Medan atau Tanah Deli ini. Menjadi guru agama di sebuah perkebunan dekat Tebing Tinggi bernama Bajalinggi (Rusydi Hamka, 1981:38).

Hamka meninggalkan Medan kerana tragedi yang dialaminya. Beliau dituduh melarikan diri ke kampung sewaktu Jepun menyerah kalah. Tuduhan ini amat meninggalkan kesan di jiwa Hamka kerana memang bukan niatnya untuk melarikan diri dari medan perjuangan ketika itu. Kepedihan jiwanya dirakamkan dalam sebuah sajak:

Biar mati badanku kini
Payah benar menempuh hidup
Hanya khayal sepanjang umur
Biar muram pusaraku sunyi
Cucuk kerah pudingnya redup
Lebih mana tidur di kubur
(Rusydi Hamka, 1981:44).

Setelah Indonesia diisytiharkan sebagai sebuah negara yang merdeka pada 17 Ogos 1945, Hamka telah bergerak cergas untuk membantu dan bergerak aktif bagi memperkukuhkan pemerintah dan rakyat Indonesia keseluruhannya untuk menentang kemaraan kembali penjajah Belanda. Beliau banyak membantu dengan kepetahan beliau berpidato dan pidatonya amat menarik minat pendengar. Selain menaikkan semangat rakyat, Hamka juga turut menjadi gerila dalam hutan untuk menentang Belanda.

Sejak tahun 1949, Hamka telah berpindah ke Jakarta dan menetap di sana hingga ke akhir hayat. Di sini beliau melakukan pelbagai pekerjaan dan pernah menjadi pensyarah di Perguruan Tinggi Islam, Jakarta.

Dalam pergerakan Islam, Hamka amat terpengaruh dengan H.U.S. Tjokroaminoto, gurunya. Oleh itu beliau telah menyertai Syarikat Islam (1925). Pada masa beliau tinggal di Pakalongan, beliau terpengaruh pula dengan anjuran guru dan abang iparnya, St. Mansur lantas beliau memasuki Muhammadiyah dan bergerak cergas dalam Muhammadiyah hingga ke akhir hayat.

Kegemaran Hamka ialah menikmati muzik klasik seperti muzik-muzik Beethoven, Mozart, Bach dan lain-lain lagi. Beliau juga berminat menonton wayang kerana melalui menonton akan dapat menimbulkan ilham dan pengalaman baru (Hamka, *Kenang-kenangan Hidup*:121). Demi untuk menambahkan pengalaman, beliau juga suka melawat ke luar negara dan tempat-tempat yang sering menjadi tumpuannya ialah muzium dan tempat-tempat bersejarah. Hasil daripada lawatannya ke Amerika Syarikat beliau telah menghasilkan sebuah travelog yang berjudul *Empat Bulan Di Amerika*.

Mulai tahun 1950, Hamka yang ketika itu menetap di Jakarta telah memegang jawatan Pegawai Tinggi dalam Kementerian Agama. Pada tahun 1960, Presiden Sukarno telah memberi pilihan kepada beliau iaitu “antara Pegawai Tinggi atau Partai.” Partai yang didukung oleh Hamka ialah Masjumi. Setelah diberhentikan beliau telah menegaskan kepada anak-anaknya dengan kata-kata:

Tidak, kita tidak akan mati kerana tak lagi menerima gaji dan beras dari pemerintah. Tuhanlah yang menjamin kehidupan makhluk-Nya. Tapi ingat kita harus menjaga muru'ah dan martabat diri kita di tengah masyarakat (Rusydi Hamka, 1981: 96).

Muru'ah yang dimaksudkan oleh Hamka ialah menjaga martabat dan harga diri. Lantaran muru'ah beliau menolak tawaran Presiden Sukarno untuk menjadi pengiringnya:

Saya belum pernah menjadi pengiring, saya biasanya diiringkan (Rusydi Hamka, 1981: 96).

Untuk membina muru'ah atau harga diri itu menurut Hamka, mestilah bermula:

... menilik kekurangan-kekurangan diri sendiri, Kemudian berusaha menyempurnakan kekurangan itu dengan menambah ilmu dan pergaulan sedalam dan seluas mungkin (Rusydi Hamka, 1981: 93).

Bagi Hamka, hidup dan kehidupan manusia di dunia ini jangan sekali-kali merasa puas atau sudah mencukupi. Jika kita sudah merasa serba cukup itu bermakna kita akan berhenti daripada berusaha. Hamka juga mengingatkan lagi jangan sekali merendahkan diri di hadapan orang lain kerana menurut beliau:

... bila kita sendiri yang merendahkan martabat di hadapan orang, jangan harap orang atau masyarakat akan menghargai kita (Rusydi Hamka, 1981: 93).

Peringatan Hamka itu bertepatan dengan kata-kata seorang penyair Arab yang bernama Hatim Al-Tha'i yang bermaksud, *"Dirimu hendaklah engkau muliakan kerana jika engkau menghinakannya kehinaan itu akan kembali kepadamu, maka tiada kau dapati orang memuliakannya."* Begitu juga kata-kata yang pernah diluahkan Al-Tagra'i *"Diriku yang aku ketahui nilainya kupelihara dari terjatuh tak berguna."*



Siri Pengajian dan Pendidikan Utusan

merupakan cetusan pemikiran ke arah memperkayakan konsep keilmuan dalam pelbagai bidang seperti perkembangan, pembelajaran, strategi pengajaran dan pendidikan kaunseling. Semua huraian dalam buku ini merangkumi konsep, kaedah, teori dan teknik pengajaran dan pembelajaran untuk membentuk daya pemikiran yang kreatif dan sistematis.

Pemikiran *Etika* Hamka

Karya sastera Hamka bukan suatu yang sengaja dicipta atas dorongan estetika, tetapi karya sastera yang dihasilkan merupakan cernean daripada penghayatan Islam. Hamka pernah disebut sebagai ulama intelektual iaitu ulama Islam yang telah mensebatikan ilmu Islamnya dengan pemikiran ahli-ahli fikir besar Islam dan Barat.

Tujuan Hamka melakukan ini ialah untuk menarik minat dan perhatian masyarakatnya yang cenderung ke arah pemikiran rasional. Lantaran itu, Hamka cuba untuk merasionalisasikan tiap sesuatu persoalan hidup yang dibicarakan.

Dasar utama pembincangan Hamka berkisar tentang kesederhanaan hidup. Kesederhanaan hidup menurut pandangan Hamka adalah mengenai kesucian jiwa iaitu sebagai permata gemerlap yang menerangi jalan hidup manusia.

Bahan utama yang digunakan dalam perbincangan keseluruhannya dibahagikan kepada dua bahagian iaitu karya-karya sastera Hamka dan karya-karya ilmu Hamka. Karya-karya sastera Hamka ialah Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck (1938), Tuan Direktur (1940), Merantau Ke Deli (1939), Di Bawah Lindungan Ka'abah (1937), Keadilan Ilahi (1939), Menunggu Bedok Berbunyi (1949), Di Dalam Lembah Kehidupan (1939), Cermin Penghidupan dan Kerana Fitnah. Manakala karya ilmu Hamka pula ialah Tasauf Moden, Falsafah Hidup, Lembaga Hidup dan Lembaga Budi.

